



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



ANALISIS HIBAH DAN WASIAT SEBAGAI ALTERNATIF PERANCANGAN HARTA PUSAKA BAGI MUALAF

AN ANALYSIS OF HIBAH AND WASIYYAH AS ALTERNATIVE ESTATE PLANNING MECHANISMS AMONG MUSLIM CONVERTS

Siti Fadhilah Ghazali^{1*}, Suharne Ismail², Naimah Abu Kasim³

¹ Faculty of Muamalat & Islamic Finance, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia

Email: fadhilahghazali@unisiraj.edu.my

² Faculty of Business & Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia

Email: suharne@unisiraj.edu.my

³ Faculty of Muamalat & Islamic Finance, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Malaysia

Email: naimah.abukasim@unisiraj.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 14.10.2025

Accepted date: 23.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Ghazali, S. F., Ismail, S., & Kasim, N. A. (2025). Analisis Hibah Dan Wasiat Sebagai Alternatif Perancangan Harta Pusaka Bagi Mualaf. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (42), 73-84.

DOI: 10.35631/IJLGC.1042006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Islam sebagai agama yang sempurna telah menentukan cara-cara pemilikan harta yang sah menurut hukum Syarak seperti pemilikan melalui hibah dan wasiat. Dalam konteks mualaf, wujud kekangan perundangan apabila benefisiari terdiri daripada bukan Islam, memandangkan sistem faraid menghalang pewarisan harta pusaka di antara orang Islam dan bukan Islam. Justeru, kajian ini meneliti hibah dan wasiat sebagai alternatif perancangan harta pusaka kepada benefisiari bukan Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis peruntukan statut, enakmen pentadbiran Islam negeri, kes-kes Mahkamah Syariah, serta fokus terhadap pindaan terkini Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 yang memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk bertindak sebagai pemohon bagi pihak benefisiari bukan Islam untuk kes pengesahan hibah bersyarat dan wasiat. Dapatan kajian terdapat keperluan pindaan terhadap enakmen pentadbiran agama Islam negeri selaras dengan peruntukan Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955. Pindaan enakmen pentadbiran Islam ini diyakini menjamin perancangan harta pusaka mualaf dan melindungi hak penerima yang dihasratkan khususnya penerima yang tergolong daripada ahli keluarga yang bukan beragama Islam

Kata Kunci:

Perancangan Harta Pusaka, Mualaf, Hibah, Wasiat, Faraid

Abstract:

Islam prescribes lawful methods of property ownership according to Shariah, including hibah (inter vivos gift) and wasiyyah. For Muslim converts (mualaf), legal constraints arise when beneficiaries are non-Muslims, as the faraid system prohibits inheritance between Muslims and non-Muslims. This study explores hibah and wasiyyah as alternative estate planning mechanisms for non-Muslim beneficiaries in Malaysia. Using a qualitative legal research approach, it analyses statutory provisions, state Islamic administration enactments, and Syariah court cases, with emphasis on recent amendments to the Small Estates (Distribution) Act 1955 granting State Islamic Religious Councils authority to act as petitioners on behalf of non-Muslim beneficiaries in validating conditional hibah and wasiyyah. The findings highlight the need to amend state Islamic administration enactments to align with the Act, thereby ensuring effective estate planning for mualaf and protecting the rights of intended non-Muslim recipients.

Keywords:

Estate Planning, Muslim Converts, Hibah, Wasiyyah, Faraid

Pengenalan

Perancangan harta pusaka merupakan elemen asas dalam muamalat Islam bagi memastikan pengagihan harta dilaksanakan secara adil mengikut syarak serta memelihara hak penerima yang ditetapkan. Perancangan yang sistematik bukan sahaja mengelakkan pertikaian dalam kalangan waris, malah menjamin kesejahteraan sosial dan kelangsungan ekonomi masyarakat. Dalam kerangka *maqāṣid al-sharī'ah*, amalan ini berkait rapat dengan prinsip pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*), iaitu salah satu objektif utama syariah yang menekankan kepentingan menjaga, mengurus, dan mengagihkan harta secara adil. Oleh itu, Islam menempatkan konsep perancangan harta pusaka pada kedudukan yang tinggi kerana harta yang dikurniakan Allah SWT merupakan amanah yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Walau bagaimanapun, ketiadaan perancangan yang jelas sering menimbulkan pelbagai permasalahan seperti pertikaian dalam kalangan ahli keluarga serta kelewatan proses pentadbiran pusaka. Situasi ini semakin rumit apabila melibatkan golongan mualaf yang tidak mempunyai ahli keluarga yang beragama Islam. Hal ini kerana perbezaan agama merupakan penghalang ahli keluarga bukan Islam daripada menerima harta pusaka si mati mengikut ketetapan *faraid* (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2014). Keadaan ini menimbulkan persoalan berkaitan jaminan kebajikan ahli keluarga bukan Islam mualaf, khususnya ibu bapa dan adik-beradik yang masih mempunyai pertalian darah yang rapat (Mohd Zainudin Wan Yusoff et.al, 2021). Dalam situasi sedemikian, instrumen wasiat dan hibah muncul sebagai alternatif yang sah menurut syariah dan undang-undang Malaysia. Wasiat membolehkan mualaf memperuntukkan sehingga satu pertiga (1/3) daripada hartanya kepada waris bukan Islam, manakala hibah memberikan fleksibiliti yang lebih luas kerana boleh dilaksanakan semasa hidup tanpa had tertentu (Akmal Hidayah Halim, 2013).

Kedua-dua instrumen ini dilihat mampu melengkapi sistem faraid dengan mengurangkan potensi konflik, memelihara keharmonian keluarga, serta menjamin kebajikan beneficiaries. Justeru, perbincangan mengenai peranan wasiat dan hibah adalah amat relevan dalam usaha merangka strategi perancangan pusaka yang lebih inklusif bagi mualaf di Malaysia.

Sorotan Literatur

Perancangan harta pusaka bagi mualaf merupakan bidang yang mendapat perhatian dalam kajian kontemporari kerana melibatkan aspek syariah, perundangan, dan sosial. Dalam konteks kajian kontemporari, perancangan ini sering dikaitkan dengan penggunaan kedua-dua instrumen tersebut sebagai mekanisme penting bagi menjamin pengurusan harta yang sistematik dan sah di sisi syariah. Penelitian terhadap konsep asas, pandangan ulama, serta aplikasi semasa wasiat dan hibah memperlihatkan kepentingannya dalam menyediakan alternatif yang relevan bagi pengurusan pusaka mualaf.

Definisi Mualaf

Istilah *mualaf* berasal daripada perkataan Arab “المؤلفة قلوبهم” (*al-mu'allafah qulubuhum*) yang bermaksud golongan yang dijinakkan hatinya (Mohammad Noorazlan Md Ismail & Nor Aini Ali, 2023). Dari sudut syarak pula, mualaf itu ialah segolongan kafir yang diharapkan hati mereka cenderung kepada Islam dengan pemberian harta dan diharapkan kebaikan mereka, atau menampai kejahatan mereka, atau segolongan orang-orang Islam yang niat mereka masih lemah maka diberikan zakat agar dikuatkan keislaman dan keteguhan iman mereka (Wahbah al-Zuhayli, 2004). Di Malaysia, definisi mualaf ditentukan oleh peruntukan undang-undang syariah negeri-negeri. Secara umum, mualaf ditakrifkan sebagai seorang yang baru memeluk Islam dan masih memerlukan bimbingan serta sokongan untuk mengukuhkan kefahaman dan pengamalan agama (Mohammad Noorazlan Md Ismail & Nor Aini Ali, 2023).

Konsep Wasiat dan Hibah

Dari sudut bahasa, perkataan wasiat berasal dari perkataan ‘*wassa*’ yang bermaksud meyambung/meyampaikan/memberikan hak pemilikan selepas kematian (Mohd Zamro Muda, 2008). Dari perspektif undang-undang pula ianya ditafsirkan sebagai *iqrar* (pengakuan) seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan mengikut hukum Syarak, selepas seseorang itu meninggal dunia (Akmal Hidayah Halim, 2013). Hukum asal berwasiat adalah harus, bahkan digalakkan bagi tujuan kebajikan, seperti membantu ahli keluarga atau pihak yang tidak berhak menerima pusaka melalui *faraid*.

Dari sudut penetapan kadar harta yang diwasiatkan, amalan wasiat masih lagi digalakkan dengan had maksimum satu pertiga (1/3) daripada harta pusaka dan ditujukan kepada bukan waris. Berdasarkan pendapat majoriti fuqaha adalah harus berwasiat berdasarkan hadis:

مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ لَّهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ نَبِيَّتٌ لِثَلَاثِينَ إِلَّا وَاصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ

Maksudnya: “Seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur selama dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya”

(Sahih Bukhari)

Namun begitu, ulama bersepakat bahawa wasiat kepada bukan waris adalah sah, sementara wasiat kepada waris yang layak menerima faraid memerlukan persetujuan semua waris lain (Mohd Zamro Muda, 2008)

Dari sudut pelaksanaan pula, wasiat bagi orang Islam di Malaysia tertakluk kepada undang-undang syariah dan diikuti dengan institusi pentadbiran pusaka yang merangkumi Mahkamah Sivil, Bahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) dan Amanah Raya Berhad (ARB) (Resali bin Muda, 2016). Proses ini merangkumi beberapa peringkat utama, bermula dari penyediaan dokumentasi wasiat sehingga agihan harta kepada penerima wasiat.

Rajah 1: Carta Alir Pelaksanaan Wasiat Islam di Malaysia



Sumber: Analisis Penulis

Hibah dari sudut bahasa bermaksud hibah bermaksud pemberian hak berbentuk harta secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Menurut istilah syarak, hibah ialah pemindahan pemilikan harta daripada seseorang kepada orang lain secara sukarela dan tanpa balasan semasa pewaris masih hidup (Akmal Hidayah Halim, 2013). Hibah termasuk dalam akad *tabarru'* (pemberian kebajikan) yang bertujuan menzahirkan kasih sayang dan mengeratkan hubungan kekeluargaan. Hukum hibah adalah harus berdasarkan firman Allah SWT:

فإن طبن لكم عن شيء منه نفساً فكلوه هنيئاً مريئاً

Maksud: Dan jika mereka menyerahkan kepada kamu sesuatu dari sebahagian harta itu dengan senang hati, maka makanlah (gunakanlah) pemberian itu sebagai sesuatu yang baik lagi menyenangkan.” (Surah an-Nisa’: 4).

Nabi SAW turut menganjurkan pemberian hibah melalui sabdanya:

تهادوا تحابوا

Maksud: “Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling berkasih sayang.” (Riwayat al-Bukhari).

Dalam konteks perancangan harta pusaka, hibah menjadi instrumen penting kerana ia membolehkan agihan harta dilakukan semasa pewaris hidup tanpa terikat kepada had sepertiga seperti wasiat. Hibah merupakan salah satu instrumen penting dalam perancangan harta pusaka Islam. Hibah boleh diklasifikasikan seperti berikut:

Jadual 1: Kategori Hibah

Kategori	Definisi	Kesan
Hibah Mutlak	Akad hibah dibuat semasa hidup dan pemilikan harta berpindah dari pemberi hibah kepada penerima hibah secara serta-merta.	Sekiranya penerima hibah mati dahulu maka harta yg dihibahkan akan menjadi milik mutlak waris penerima hibah mengikut hukum faraid.
Hibah Bersyarat	Akad hibah dibuat semasa hidup tetapi pindahmilik harta hibah hanya akan dibuat selepas kematian pemberi hibah. Hibah bersyarat ini terdiri daripada <i>'umra</i> dan <i>ruqba</i> .	Pindahmilik hanya boleh dibuat selepas kematian pemberi hibah.

Sumber: Analisis Penulis

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan (*library research*) yang melibatkan analisis terhadap sumber primer dan sekunder. Sumber primer dalam kajian ini terdiri daripada keputusan-keputusan kes Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan pembahagian faraid dan pengurusan pusaka mualaf. Analisis terhadap kes mahkamah dipilih kerana ia memberikan bukti empirikal serta gambaran praktikal mengenai aplikasi prinsip syariah dan perundangan dalam konteks sebenar. Melalui penelitian terhadap penghakiman kes, penyelidik dapat mengenal pasti kaedah mahkamah mengendalikan kes pusaka mualaf yang tidak mempunyai waris yang beragama Islam.

Sumber sekunder pula melibatkan dokumen perundangan seperti Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 [Akta 98], Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, serta fatwa yang berkaitan, di samping bahan akademik seperti kitab fiqh, buku, artikel jurnal, tesis dan laporan penyelidikan. Bahan sekunder ini melengkapkan analisis terhadap kes mahkamah dengan pandangan dan ulasan kritis penulis sebelum ini mengenai amalan perancangan harta pusaka. Semua bahan primer dan sekunder ini dianalisis secara deskriptif dan tematik bagi mengenal pasti prinsip, isu, dan cabaran utama yang timbul dalam konteks perancangan harta pusaka mualaf. Hasil analisis ini seterusnya dirumuskan bagi mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan perancangan harta pusaka yang lebih komprehensif, selaras dengan tuntutan syariah serta kerangka perundangan di Malaysia.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Halangan Perwarisan Harta Pusaka disebabkan Perbezaan Agama

Perbezaan agama antara si mati dan ahli keluarganya merupakan halangan yang diiktiraf secara jelas dalam hukum pewarisan Islam. Menurut prinsip syarak, waris yang berlainan agama tidak layak mewarisi harta pusaka si mati beragama Islam, sebagaimana ditegaskan dalam hadis Nabi SAW:

لا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

Maksud: "Tidak mewarisi orang Islam daripada orang kafir, dan tidak pula orang kafir daripada orang Islam."

(Riwayat Abu Daud)

Implikasi daripada ketetapan ini memberi kesan langsung kepada golongan muallaf yang masih mempunyai ahli keluarga bukan Islam kerana ahli keluarga tersebut secara syarak tidak termasuk dalam senarai waris yang sah mewarisi secara faraid. Situasi ini dapat dilihat melalui kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah iaitu:

1. *Majlis Agama Islam Negeri Kedah (Baitulmal)* (Kes Faraid No. 2409-L0202-311-0248) (2024)

Unit Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah memfailkan permohonan bagi kes pusaka si mati, See Bee Bee @ Nur Lissa Abdullah, yang meninggal dunia pada 6 Mei 2024 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Kedah. Berdasarkan affidavit permohonan, si mati telah memeluk Islam pada 9 Oktober 2013 di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Negeri Kedah Darul Aman, dan pendaftaran muallafnya direkodkan di bawah nombor rujukan 1117/10(B)/Jld 10 (1134) bertarikh 9 Oktober 2013. Si mati tidak pernah berkahwin dan tidak meninggalkan ahli keluarga beragama Islam. Harta yang ditinggalkan adalah wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Mahkamah memutuskan bahawa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah adalah penerima yang sah bagi pusaka tersebut memandangkan si mati tidak mempunyai waris yang beragama Islam, dan waris bukan Islam dihalang daripada mewarisi berdasarkan hukum *faraid*.

2. *Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (Baitulmal)* (Kes Faraid No. 2501-L0202-311-0006) (2025)

Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah memfailkan permohonan bagi kes pusaka si mati, Abdul Rahman Bin Abdullah (Velyatham al Kailosamy) telah meninggal dunia pada 31 Disember 2018 Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Kedah. Berdasarkan affidavit permohonan, si mati telah memeluk Islam pada 8 Februari 2001 di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, dan pendaftaran muallafnya direkodkan di bawah nombor rujukan 89/04. Si mati tidak pernah berkahwin dan tidak meninggalkan ahli keluarga beragama Islam. Harta yang ditinggalkan adalah wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Mahkamah memutuskan bahawa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah adalah penerima yang sah bagi pusaka tersebut kerana si mati tidak mempunyai waris yang beragama Islam.

Sehubungan itu, keperluan kepada mekanisme perancangan harta yang berlandaskan hukum Islam dan dibenarkan oleh undang-undang sivil seperti hibah dan wasiat menjadi amat penting. Kedua-dua instrumen ini membolehkan pemilik harta mengagihkan sebahagian daripada hartanya kepada individu tertentu termasuk waris bukan Islam. Perkara ini bukan sahaja dapat mengelakkan pertikaian selepas kematian, malah dapat memastikan kebajikan ahli keluarga bukan Islam tetap terpelihara. Oleh itu, kesedaran dalam kalangan muallaf terhadap keperluan merancang agihan harta lebih awal perlu diperkasa agar dapat mengelakkan sebarang konflik atau ketidakadilan dalam pengurusan harta pusaka selepas kematian.

Perbezaan Di Antara Wasiat Dan Hibah

Dalam konteks perancangan harta menurut syarak, hibah dan wasiat merupakan dua instrumen utama yang digunakan untuk mengagihkan harta kepada pihak yang dikehendaki oleh pemilik harta. Wasiat ialah pernyataan hasrat seseorang untuk mengagihkan sebahagian harta miliknya kepada pihak tertentu yang berkuat kuasa selepas kematiannya, tertakluk kepada had

maksimum satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada keseluruhan harta jika melibatkan penerima bukan waris. Hibah merupakan akad pemberian milik harta kepada individu lain secara sukarela tanpa mengharap balasan daripada penerima hibah yang berkuatkuasa ketika hidup pemberi hibah. (Noor Lizza Mohamed Said et.Al, 2012). Kedua-dua instrumen ini berbeza dari segi masa pelaksanaan, kadar pemilikan yang dibenarkan, dan syarat penerima, namun keduanya diharuskan oleh syarak sebagai kaedah perancangan harta yang sah. Perbezaan ini dapat dirumuskan seperti berikut:

Jadual 2: Perbezaan Wasiat Dan Hibah

Aspek	Wasiat	Hibah
Definisi	Pemberian atau sumbangan oleh seseorang kepada orang atau pihak lain setelah dia meninggal dunia	Pemberian harta secara sukarela kepada penerima semasa hidup pemberi.
Penerima	Bukan ahli waris. Namun wasiat kepada ahli waris dibenarkan dengan persetujuan waris yang lain.	Boleh kepada waris atau bukan waris.
Kadar Pemberian	Terhad kepada $\frac{1}{3}$ daripada harta jika kepada bukan waris. Persetujuan ahli waris perlu diperoleh sekiranya kadar harta yang diwasiatkan melebihi $\frac{1}{3}$.	Tiada kadar tertentu.
Pemilikan Harta	Pemindahan hak milik hanya berlaku selepas kematian pemberi	Pemilikan berpindah secara mutlak sebaik sahaja akad hibah disempurnakan mengikut rukun dan syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Sumber: Siti Noor Farahin M. Fariddudin & Muhammad Adib Samsudin, 2018

Limitasi Pelaksanaan Wasiat Dan Hibah Terhadap Ahli Keluarga Bukan Islam Pemberian Hibah Mutlak

Hibah mutlak ditakrifkan sebagai pemindahan hak milik harta daripada pemberi (*wahib*) kepada penerima (*mawhub lahu*) secara sukarela ketika pemberi masih hidup tanpa syarat tambahan atau penangguhan. Pemindahan hak ini berkuat kuasa sepenuhnya sebaik sahaja akad hibah disempurnakan mengikut rukun dan syarat yang ditetapkan oleh hukum Syarak. Setelah akad selesai, pemberi tidak lagi mempunyai hak terhadap harta tersebut (Ibn Qudāmah, 1997). Kelebihan hibah mutlak termasuk pemindahan hak yang berlaku segera, mengelakkan pertikaian selepas kematian pemberi, serta memberi fleksibiliti untuk disalurkan kepada sesiapa sahaja sama ada waris atau bukan waris (Muhammad Mui'zz Abdullah et.Al, 2020). Instrumen ini juga dapat mengatasi halangan faraid seperti pemberian kepada ahli keluarga bukan Islam oleh mualaf. Selain itu, hibah mutlak tidak tertakluk kepada prosedur pembahagian pusaka dan dapat mengelakkan pembekuan harta selepas kematian. Dalam konteks mualaf, hibah mutlak memberi ruang untuk menyalurkan harta secara sah kepada ahli keluarga bukan Islam.

Limitasi Hibah Mutlak

Walaupun hibah mutlak memberi kuasa penuh kepada pemberi untuk memindahkan hak milik harta semasa hidupnya, pelaksanaannya tetap tertakluk kepada batasan tertentu dari sudut pelaksanaan dan perundangan. Dari sudut pelaksanaan hibah mutlak, aset yang hendak

dipindah milik hendaklah memenuhi syarat-syarat tertentu bagi memastikan proses pemindahan hak milik dapat dilaksanakan secara sah menurut peruntukan undang-undang (Noor Aznaim Abd Latib, 2023). Sekiranya aset tersebut berbentuk tanah atau hartanah, pemindahan hak milik perlu mematuhi peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 termasuk keluasan minimum yang dibenarkan untuk pemecahan atau pemindahan, serta kelayakan pemilik baharu untuk mendaftar hak milik di pejabat tanah. Tanah yang terlibat juga hendaklah bebas daripada sekatan kepentingan, kaveat, atau bebanan yang boleh menghalang proses pendaftaran.

Bagi harta alih seperti kenderaan, pemindahan hak milik hanya dibenarkan sekiranya aset tersebut bebas daripada sebarang cagaran dan proses pendaftarannya perlu dilakukan di agensi berwajib seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengikut peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Prinsip yang sama terpakai kepada aset alih lain seperti emas, saham, unit amanah atau akaun simpanan, yang hanya boleh dihibahkan sekiranya ia bebas daripada kontrak gadaian, lien atau bebanan lain yang menghalang pemindahan hak milik (Azman Mohd Noor, 2015).

Selain itu, hibah mutlak mempunyai beberapa kekangan yang wajar dipertimbangkan sebelum dilaksanakan. Pemberi hibah akan hilang pemilikan sepenuhnya terhadap harta yang telah dihibahkan dan tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengurus atau menarik balik pemberian tersebut. Keadaan ini membuka ruang kepada risiko penyalahgunaan oleh penerima hibah sekiranya pihak tersebut tidak amanah. Selain itu, tiada perlindungan diberikan sekiranya hubungan antara pemberi dan penerima berubah pada masa hadapan. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada pemberi, harta tersebut akan menjadi pusaka kepada penerima hibah dan diwarisi oleh waris-warisnya. Risiko lain ialah kemungkinan kedudukan kewangan pemberi terjejas sekiranya jumlah harta yang dihibahkan terlalu besar sehingga mengurangkan sumber untuk keperluan hidupnya. Oleh itu, pelaksanaan hibah mutlak memerlukan perancangan yang rapi supaya manfaatnya dapat dicapai dan kepentingan pemberi tetap terpelihara selaras dengan maqasid syariah yang menekankan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*).

Pelaksanaan Wasiat dan Hibah Bersyarat

Wasiat dan hibah bersyarat merupakan antara instrumen yang digunakan oleh mualaf untuk merancang pembahagian harta kepada ahli keluarga bukan Islam memandangkan mereka tidak layak mewarisi secara faraid. Namun begitu, pelaksanaan kedua-dua instrumen ini masih tertakluk kepada beberapa kekangan undang-undang, khususnya dari sudut bidangkuasa Mahkamah Syariah. Hal ini kerana Mahkamah Syariah hanya berbidangkuasa ke atas orang Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan enakmen negeri. Maka, apabila penerima hibah atau wasiat terdiri daripada bukan Islam, timbul isu dari segi pengesahan dokumen wasiat atau hibah bersyarat yang dibuat oleh si mati terhadap penerima yang bukan Islam. Dari aspek perundangan, bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia adalah terhad kepada orang Islam sahaja.

Perkara ini dijelaskan secara nyata melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(2) memperuntukkan bahawa badan perundangan negeri hanya boleh menggubal undang-undang mengenai perkara-perkara dalam Senarai Negeri:

“...badan perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Negeri atau Senarai Bersama.”

Antara perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan ialah undang-undang Islam dan Mahkamah Syariah. Peruntukan ini menyatakan secara jelas bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya melibatkan orang Islam:

Jadual Kesembilan – Senarai Negeri (Butiran 1)

*1. Undang-undang Islam, kecuali berkenaan dengan perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; termasuklah hukum Syarak dan diri dan keluarga **orang yang menganut agama Islam**, termasuklah hukum Syarak yang berhubungan dengan warisan, **wasiat dan hibah**, amanah dan penjagaan orang yang belum dewasa, dan penentuan perkara berhubungan dengan agama Islam, penubuhan dan pengawalan institusi-institusi Islam dan undang-undang dan adat Melayu; perlantikan pemegang amanah dan pewakaf berhubungan dengan wakaf, amanah Islam dan institusi-institusi Islam yang lain yang ditubuhkan semata-mata berhubungan dengan orang yang menganut agama Islam, serta penentuan dan pengawalan perkara-perkara mengenai zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dan penentuan perkara-perkara hukum Syarak dan perkara-perkara yang berhubungan dengan undang-undang diri dan keluarga orang yang menganut agama Islam, termasuklah prosedur berkaitan dengannya, dan penubuhan, penyelenggaraan dan bidang kuasa **Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam**, dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, pengawalan pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara-perkara mengenai hukum Syarak dan perkara-perkara mengenai undang-undang diri dan keluarga orang yang menganut agama Islam termasuklah prosedur yang berhubungan dengannya.*

Tambahan pula, **Perkara 121(1A)** memperkukuh prinsip pengasingan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah:

“Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.”

Peruntukan ini bukan sahaja menegaskan bahawa bidang kuasanya tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan undang-undang negeri. Oleh itu, dalam sebarang urusan seperti pengesahan hibah atau wasiat oleh mualaf kepada waris bukan Islam, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap penerima bukan Islam kerana mereka berada di luar lingkungan perundangan Islam.

Berdasarkan Seksyen 61(3)(a)(b), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa:

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

61(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

*(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, **membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam** dan boleh dihukum di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [En. No. 9/1995] atau di bawah manamana undang-undang bertulis lain yang sedang*

berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apaapa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan
(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam....

Kekangan ini mewujudkan halangan dalam proses pengesahan dokumen wasiat dan hibah bersyarat, memandangkan Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa ke atas penerima bukan Islam. Perkara ini boleh menjejaskan proses pengesahan dokumen tersebut dari sudut pelaksanaan, sekaligus menyukarkan penerima wasiat ini untuk memperoleh harta yang diwasiatkan oleh mualaf.

Pindaan Akta Pusaka Kecil 1955: Ke Arah Pelaksanaan Bagi Perancangan Harta Melalui Wasiat Dan Hibah Bersyarat

Pindaan terhadap Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 membawa dimensi baharu dalam landskap perundangan pentadbiran pusaka di Malaysia. Salah satu perubahan signifikan ialah perluasan kuasa Majlis Agama Islam untuk bertindak sebagai pempetisyen dalam kes yang melibatkan harta pusaka (Muhamad Mu'izz Abdullah & Ahmad Mustapha Mat Ali, 2023). Perkara ini bermaksud Majlis Agama Islam juga boleh menjadi pempetisyen mewakili pihak bukan Islam dalam kes permohonan pengesahan hibah bersyarat dan wasiat. Sebelum pindaan ini, proses sedemikian sering berhadapan kekangan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan menyukarkan urusan pengesahan hibah atau wasiat kepada penerima bukan Islam.

Dengan adanya pindaan ini, peluang lebih luas terbuka untuk mualaf merancang harta mereka secara teratur dan sah di sisi undang-undang, terutama apabila ingin menyalurkan sebahagian harta kepada ahli keluarga bukan Islam yang tidak layak mewarisi melalui faraid. Instrumen hibah bersyarat dan wasiat menjadi alternatif penting yang dapat menghubungkan tuntutan syariah dengan keperluan praktikal, manakala pengiktirafan Majlis Agama Islam sebagai pempetisyen memberi jaminan proses pengesahan dapat dijalankan secara lebih lancar.

Namun, pelaksanaan pindaan ini memerlukan tindakan susulan di peringkat negeri melalui pindaan enakmen atau akta pentadbiran agama Islam agar selari dengan undang-undang persekutuan. Tanpa penyelarasan ini, kuasa yang diberikan di bawah pindaan Akta Pusaka Kecil 1955 tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru, pindaan ini dilihat sebagai harapan baharu bagi memperkukuh perancangan harta mualaf melalui instrumen hibah bersyarat dan wasiat, sekali gus melindungi hak pihak yang menerimanya walaupun bukan beragama Islam.

Kesimpulan

Perancangan harta pusaka bagi mualaf memerlukan pendekatan yang menggabungkan kepatuhan kepada hukum Syarak dengan keperluan praktikal pelaksanaan undang-undang sivil. Instrumen wasiat dan hibah bersyarat terbukti sebagai alternatif yang sah dan relevan untuk memastikan kebajikan ahli keluarga bukan Islam tetap terpelihara tanpa bercanggah dengan prinsip faraid. Pindaan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam untuk bertindak sebagai pempetisyen, termasuk bagi penerima bukan Islam, membuka ruang baharu kepada mualaf untuk merancang harta secara lebih inklusif. Namun, keberkesanan pindaan ini bergantung kepada penyelarasan perundangan di peringkat negeri supaya seiring dengan undang-undang persekutuan. Justeru, pelaksanaan yang teratur dan seragam di seluruh negeri akan memastikan hak pihak penerima wasiat dan hibah khususnya golongan bukan Islam terjamin serta mengurangkan risiko pertikaian selepas kematian.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UNISIRAJ) melalui Skim Geran Jangka Pendek (Rujukan: STG-082/2023). Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada universiti atas sokongan kewangan serta kepada semua individu dan institusi yang telah menyumbangkan pandangan dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abd Latib, N. A. (2023). Property Grant Declaration: Procedure And Practice In Malaysia: Deklarasi Hibah Hartanah: Prosedur Dan Amalannya Di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 25–37. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/655>
- Abdullah, M. M. I., & Ali, A. M. M. (2023). Implikasi Pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] Terhadap Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(1), 95–118. [http://doi.org.10.37052/kanun.35\(1\)no5](http://doi.org.10.37052/kanun.35(1)no5)
- Abdullah, M. M. Z., Nasir, N. M., Muhamad, N. H. N., Ab Aziz, M. R., & Awang, A. B. (2020). A literature review on Islamic estate planning from year 2014 to 2019. *Library Philosophy and Practice*, 1–29. Diambil daripada <https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/4290>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Halim, A. H. (2013). Wasiat Dan Hibah: Hukum Dan Prosedur. In *Kertas Kerja Seminar Wanita Dan Syariah: Mengurus Harta Bukan Sekadar Merancang Kewangan Mahkamah Mut: UIA* (Vol. 17). Diambil daripada <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/38319>
- Ismail, M. N. M., & Ali, N. A. (2023). Konsep Asnaf Mualaf dan Had Pengukuran Mualaf: Asnaf Mualaf Concept and Mualaf Measurement Limits. *Albasirah Journal*, 13(1), 25–41. <https://doi.org/10.22452/basirah.vol13no1.3>
- Kadir, M. N. B. A. (2014) Pewarisan Harta Antara Bukan Muslim Dengan Muslim: Tinjauan Baharu Dalam Aspek Maqasid, *Jurnal Muamalat*, Volume.7, 2014: 181–210. Diambil daripada chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcgclefindmkaj/https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Jurnal_Muamalat_Bil_7_2014.pdf
- Kanun Tanah Negara 1965
- Kes Faraid No. 2409-L0202-311-0248) Tahun 2024 Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Kedah.
- Kes Faraid No. 2501-L0202-311-0006) Tahun 2025 Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Kedah.
- M. Fariddudin, S. N. F., & Samsudin, M. A. (2018). Comparison Between Will And Gift As An Estate Planning Instruments In Islam: Perbandingan Antara Wasiat Dan Hibah Sebagai Instrumen Merancang Harta Pusaka Menurut Islam. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 8(5), 35–43. Retrieved from <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/94>
- Muda, M. Z. (2008). Instrumen hibah: Analisis hukum dan aplikasi di Malaysia. *Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan*, 1–19. Diambil daripada chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcgclefindmkaj/https://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/instrumen_hibah__wasiat.pdf
- Muda, R. (2016). Harta Pusaka Islam Di Malaysia: Antara Perundangan Dan Pentadbiran. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*, 4, 1–10. Diambil daripada

<https://heinonline.org/HOL/LandingPage?handle=hein.journals/mlsnjl4&div=5&id=&page=>

Perlebmbagaan Pesekutuan

Said, N. L. M., Awang, M. R., & Nor, A. H. M. (2012). Hibah Dengan Syarat Balasan Menurut Pandangan Fuqaha Dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivil Jordan: Conditional Hibah in Favour According to The Opinions of Islamic Jurists and Its Position in The Civil Law of Jordan. *Jurnal Syariah*, 20(3), 309-328. Diambil daripada <https://jupidi.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22618>

Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Bayrut: Dar al-Fikr, c. 4, 2004), 3 : 1954.

Wan Yusoff, M. Z., Ahmad Zaki, N., & Abdullah, L. (2021). Pentadbiran Undang-Undang Harta Pusaka Mualaf Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur: Administration of Mualaf Inheritance at Wilayah Persekutuan: A Literature Highlights. *Jurnal Fiqh*, 18(2), 317–346. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol18no2.4>